



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

ARCA FIGURA ORANG INGERIS : REFLEKSI PENJAJAHAN DI TANAH MELAYU

AZMAN BIN MOHAMAD HUSSAIN



05-4506832



DISERTASI INI DIKEMUKAKAN BAGI



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

MEMENUHI SEBAHAGIAN DARIPADA SYARAT MEMPEROLEHI
IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN SENI



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

PENGAKUAN

Saya mengaku disertasi ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang setiap satunya saya jelaskan sumbernya.

01.04.2006



AZMAN BIN MOHAMAD HUSSAIN

20041000199



DECLARATION

I hereby declare that the work in this dissertation is my own except for quotations and summaries which have been duly acknowledge

01.04.2006

AZMAN BIN MOHAMAD HUSSAIN

20041000199



PENGHARGAAN

Terlebih dahulu, saya ingin memberi setinggi-tinggi penghargaan saya serta ucapan ribuan terima kasih kepada En. Abdul Halim b. Husain, selaku Penyelia Utama kerana memberi bimbingan, tunjuk ajar serta saranan-saranan sepanjang penyelidikan ini.

Saya juga ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada mereka yang telah memberi kerjasama, pertolongan serta sumbangan dalam memberi maklumat-maklumat bagi menjayakan penulisan ini. Mereka ini termasuklah:-

- i. Prof. Zakaria b. Ali,
Universiti Sains Malaysia,
Pulau Pinang.
- ii. Cik. Fatimah bt. Sheikh Adip Ally,
Pengurus Victoria Memorial Hall,
Singapura
- iii. En. Khoo Boo Chia,
Kurator Muzium Pulau Pinang,
Pulau Pinang.
- iv. En. Iskandar b. Mydin,
Kurator Muzium Sejarah Singapura,
Singapura .
- v. En. Latiff b. Ariffin,
Pen. Kurator Muzium Taiping,
Perak.
- vi. En. Baharom b. Ahmad,
Pegawai Pembantu Muzium,
Bahagian Penyelidikan (Kebudayaan Warisan Budaya),
Muzium Negara Malaysia,
Kuala Lumpur.



- vii. En. Abu Bakar b.Mastam,
Penjaga Fort Cornwallis,
Pulau Pinang.
- viii. En. Azmi b.Mohd.Yusof,
Kurator Muzium Sejarah Malaysia,
Kuala Lumpur.
- ix. En. Ismail b. Ahmad,
Pengurus Perniagaan,
Lembaga Getah Malaysia,
Kuala Lumpur.

Akhirnya, saya ingin merakamkan penghargaan kepada pihak Bahagian Biasiswa, Kementerian Pelajaran Malaysia, kerana memberi peluang dan kesempatan untuk menjalani Pengajian Peringkat Sarjana di universiti ini.

Adalah diharapkan dengan hasil penyelidikan ini ianya mendapat perhatian, terutamanya kepada pelajar di bidang Seni Visual. Seterusnya, memberi manfaat, khusus di bidang seni arca yang berkaitan dengan sejarah perkembangan Seni Visual di negara kita. Lanjutan itu, arca-arca orang Inggeris ini boleh dikaji dengan lebih mendalam lagi kerana masih terdapat ruang untuk penerokaan seterusnya tentang arca-arca tersebut kerana masih terdapat lagi arca-arca yang belum dikaji dengan sepenuhnya.





ARCA FIGURA ORANG INGGERIS : REFLEKSI PENJAJAHAN DI TANAH MELAYU

ABSTRAK

Kajian ini akan membuat kupasan terhadap arca-arca figura orang Inggeris tentang sifat historis dan estetikanya yang bermakna khusus dalam perkembangan sejarah Seni Visual dan budaya negara ini. Ini merupakan satu kajian terperinci secara visual dalam memperkatakan arca-arca figuratif zaman penjajahan yang menampilkan personaliti-personaliti utama zaman penjajahan orang Inggeris di Tanah Melayu suatu ketika dulu. Kewujudan arca figura tersebut merupakan satu cerminan dari zaman penjajahan. Ini memberi suatu gambaran bagaimana pihak penjajah mendirikan arca-arca tersebut dengan menonjolkan budaya Barat kepada struktur masyarakat pada ketika itu. Kajian meliputi beberapa tahap tafsiran dan interpretasi. Ini melibatkan deskripsi secara visual, kemudian ditafsir melalui pendekatan Pengalaman Visual Pelbagai atau “Variety Visual Experience”. Ini terdiri daripada empat peringkat tafsiran iaitu deskripsi, analisis formal, interpretasi dan akhirnya evaluasi atau penilaian. Arca-arca figura sebegini memberi impak yang tertentu terhadap penerimaan masyarakat di negara kita pada masa itu. Ini mempunyai tujuan-tujuan tertentu dalam menampilkan arca-arca tersebut di kalangan pemerhati. Ini merupakan suatu projeksi kuasa sehingga mampu mengubah sikap segolongan masyarakat dengan nilai-nilai Barat. Penulisan ini memberi satu kefahaman bagaimana struktur masyarakat dibentuk oleh penjajah ketika itu. Seterusnya, menjadi bahan rujukan untuk generasi akan datang tentang perkembangan seni arca figuratif di negara kita.





BRITISH FIGURATIVE SCULPTURES : REFLECTION OF COLONIALISM IN THE MALAY STATES

ABSTRACT

This study is an effort to disclose British figurative sculptures relating to its meaningful aesthetical and historical characteristics in the development of visual arts and cultural history. It is a detailed visual study, to talk about colonial figurative sculptures that introduces great personalities during British colonialism in the Malay States once upon a time ago. The existence of those figurative sculptures is the reflection of their power of their colonialism. It depicts how the British set up those sculptures that bring forward Western culture towards the structure of the society at that time. The study includes few stages of detailed description and interpretation. This includes visual description and later being described by using the Variety Visual Experience approach. It consists of 4 stages of interpretation which consist of description, formal analysis, interpretation dan finally, evaluation. These such sculptures give such impact towards the acceptance of the society of our country at that time. They have certain motives on bringing forward the sculptures among their audience. It is a projected power as they are able to change the attitudes of certain groups of the society with Western values. This writing will give a better understanding on how our society is being cultured by the colonials before. Hence, it will be a source of reference for later generation about the development of figurative sculptures in our country.



KANDUNGAN

	Halaman.
PENGAKUAN	ii
PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	vi
KANDUNGAN	viii
SENARAI GAMBAR FOTO	xii
SENARAI RAJAH	xvi
SENARAI JADUAL	xvii

BAB 1 PENDAHULUAN

1.1	Latar belakang Penyelidikan.	1
1.2	Masalah Penyelidikan.	2
1.3	Tujuan / Objektif Penyelidikan.	5
1.4	Soalan Kajian.	8
1.5	Signifikan Kajian.	9
1.6	Kerangka Teori.	12
1.7	Kaedah Kajian.	
1.7.1	Bentuk Penyelidikan.	16
1.7.2	Fokus Penyelidikan.	17
1.7.3	Pengumpulan Data.	19
1.7.4	Analisis Data.	21



BAB 2 LATAR BELAKANG SEJARAH PERKEMBANGAN SENI RUPA TIGA DIMENSI BERUPA FIGURATIF DI TANAH MELAYU

2.1	Zaman Pengaruh Hindu/Buddha.	24
2.2	Zaman Pengaruh Islam.	27
2.3	Zaman Pengaruh Penjajahan Barat.	
2.3.1	Awal Abad ke- 16 - Pengaruh Barat dalam Hasil karya.	29
2.3.2	Awal Abad ke- 19 - Penerapan Ideologi dan Nilai Barat dalam Perkembangan Seni Visual.	30
2.4	Kesimpulan Awal.	33

BAB 3 SEJARAH LATAR BELAKANG PERSONALITI ARCA FIGURA ORANG INGGERIS

3.1	Personaliti Arca Figura.	
3.1.1	Profil Queen Victoria.	36
3.1.2	Profil Sir Francis Light.	37
3.1.3	Profil Sir Stamford Raffles.	39
3.1.4	Profil Sir Henry Wickham.	41
3.1.5	Profil Kol.R.S.F. Walker.	43
3.2	Kesimpulan Awal.	44

BAB 4 DESKRIPSI VISUAL DAN SEJARAH ARCA FIGURA ORANG INGGERIS

4.1	Deria Perskripsi Pengamatan.	48
-----	------------------------------	----





4.2	Deskripsi Visual.	
4.2.1	Arca Figura Queen Victoria.	49
4.2.2	Arca Figura Sir Francis Light.	55
4.2.3	Arca Figura Stamford Raffles.	61
4.2.4	Arca Figura Sir Henry Wickham.	67
4.2.5	Arca Figura Kol. R.S.F. Walker.	71
4.3	Bahantara dan Teknik.	76
4.4	Kesimpulan Awal.	78

BAB 5 ANALISIS FORMALISTIK ARCA FIGURA ORANG INGGERIS

5.1	Elemen Seni.	
5.1.1	Bentuk.	82
5.1.2	Garisan.	84
5.1.3	Jalinan.	86
5.1.4	Warna.	87
5.2	Prinsip Seni.	
5.2.1	Komposisi.	89
5.2.2	Imbangan.	91
5.2.3	Kadar Banding.	93
5.2.4	Penegasan.	94
5.3	Kesimpulan Awal.	95

BAB 6 INTERPRETASI ARCA FIGURA ORANG INGGERIS

6.1	Mengenal Makna daripada Hasil Seni	98
6.2	Ikonologi dan Ikonografi.	100





6.3	Semiotik.	102
6.4	Penilaian Makna dalam Arca-arca Figura Orang Inggeris	103
6.5	Kesimpulan Awal.	110

BAB 7 PENILAIAN DAN KESIMPULAN

7.1	Penilaian.	
7.1.1	Pandangan Sejarawan dan Pengritik Seni .	113
7.1.2	Penerapan Kuasa Penjajah.	114
7.1.3	Penerapan Nilai Budaya Barat.	116
7.1.4	Penilaian Kontekstual.	119
7.2	Kesimpulan	122



SENARAI GAMBAR FOTO

Gambar Foto	Muka Surat
Gambar 2.1 : Patung Buddha dari Lembah Chemor, Perak.	25
Gambar 2.2 : Patung Avalokitesvara dari Bidor, Perak.	25
Gambar 2.3 : Jongkong Timah berupa haiwan.	27
Gambar 2.4 : Batu Pedang Keramat Sg.Udang, Pengkalan Kempas, Negeri Sembilan (kanan).	28
Gambar 3.1 : Queen Victoria.	36
Gambar 3.2 : Sir Francis Light, wajah yang diambil daripada wajah anaknya, iaitu Kol.William Light.	37
Gambar 3.3 : Sir Stamford Raffles.	39
Gambar 3.4 : Sir Henry Wickham.	41
Gambar 3.5 : R.S.F.Walker.	43
Gambar 4.1 : Arca Figura Queen Victoria - Sudut Pandangan Depan dari dekat.	49
Gambar 4.2 : Arca Figura Queen Victoria - Sudut Pandangan Belakang dari dekat.	49
Gambar 4.3 : Arca Figura Queen Victoria - Sudut Pandangan Belakang.	50
Gambar 4.4 : Arca Figura Queen Victoria - Sudut Pandangan Depan.	51
Gambar 4.5 : Arca Figura Queen Victoria ketika zaman penaklukan Jepun.	55
Gambar 4.6 : Arca Figura Queen Victoria sewaktu di rasmikan pada tahun 1930.	55

Gambar 4.7 : Arca Figura Sir Francis Light - Sudut Pandangan Depan. 55

Gambar 4.8 : Arca Figura Sir Francis Light - Sudut Pandangan Tepi. 56

Gambar 4.9 : Arca Figura Sir Francis Light - Sudut Pandangan Belakang. 56

Gambar 4.10 : Arca Figura Sir Francis Light - Sudut Pandangan Tepi (tanpa pedang). 56

Gambar 4.11 : Arca Figura Sir Francis Light sewaktu berada di Muzium Pulau Pinang. 59

Gambar 4.12 : Plak asal pada arca figura yang kini tidak lagi kelihatan. 59

Gambar 4.13 : Arca Figura Sir Francis Light semasa upacara perasmianya pada tahun 1939. 60

Gambar 4.14 : Arca Figura Sir Francis Light sewaktu berada di Bangunan Mahkamah Tinggi Pulau Pinang. 60

Ketika ini pedang masih lagi tersisip di pinggang kiri.

Gambar 4.15 : Arca Figura Sir Stamford Raffles di Victoria Memorial Hall, di Singapura - Sudut Pandangan Depan. 61

Gambar 4.16 : Arca Figura Sir Stamford Raffles - Sudut Pandangan Tepi. 62

Gambar 4.17 : Arca Figura Sir Stamford Raffles - Sudut Pandangan Tepi. 62

Gambar 4.18 : Arca Figura Sir Stamford Raffles - Sudut Pandangan Belakang. 62

Gambar 4.19 : Plak pada pedestal di bahagian hadapan arca. 65

Gambar 4.20 : Arca Figura Stamford Raffles semasa dirasmikan pada tahun 1919. 67

Gambar 4.21 : Arca Figura Sir Henry Wickham di dalam Stor Jabatan Antikuiti, Muzium Negara, Kuala Lumpur - Sudut Pandangan Depan. 67



Gambar 4.22 : Arca Figura Sir Henry Wickham - Sudut Pandangan Tepi.	68
Gambar 4.23 : Arca Figura Sir Henry Wickham - Sudut Pandangan Tepi.	68
Gambar 4.24 : Arca Figura Sir Henry Wickham - Pandangan Dekat - bahagian bawah.	68
Gambar 4.25 : Arca Figura R.S.F. Walker. di tepi bangunan Muzium Taiping, Perak.	71
Gambar 4.26 : Arca Figura R.S.F. Walker - Sudut Pandangan Tepi.	71
Gambar 4.27 : Arca Figura R.S.F. Walker - Sudut Pandangan Tepi.	71
Gambar 4.28 : Arca Figura R.S.F. Walker - Sudut Pandangan Belakang.	72
Gambar 4.29 : Plak yang terdapat di depan Arca Figura R.S.F. Walker.	75
Gambar 5.1 : Garisan saranan atau “implied lines”. - Arca Figura Sir Francis Light.	85
Gambar 5.2 : Garisan saranan atau “implied lines”. - Arca Figura Sir Stamford Raffles.	85
Gambar 5.3 : Komposisi simitrikal. - Arca Figura Queen Victoria.	90
Gambar 5.4 : Imbangan yang hampir simitri - Arca Figura Henry Wickham.	92
Gambar 5.5 : Imbangan dalam “contrapposto” - Arca Figura R.S.F. Walker	93
Gambar 6.1 : Arca Figura Queen Victoria - Mahkota, “Baton” dan “Orb”.	105
Gambar 6.2 : Arca Figura Queen Victoria - Arca Singa.	105
Gambar 6.3 : Arca Figura Queen Victoria - Tangga.	106
Gambar 6.4 : Arca Figura Francis Light - Tangan di pinggang.	108
Gambar 6.5 : Arca Figura Stamford Raffles - Tangan bersilang.	108





Gambar 6.6 : Arca Figura Francis Light - Skrol.	109
Gambar 6.7 : Arca Figura R.S.F. Walker - Topi.	110
Gambar 6.8 : Arca Figura R.S.F. Walker - Pedang.	110





SENARAI RAJAH

Rajah

Muka Surat

Rajah 1.1 :	Model Kerangka Teori	15
Rajah 1.2 :	Model Interaktif	22
Rajah 1.3 :	Reka bentuk Penyelidikan	23





SENARAI JADUAL

Jadual	Muka Surat
Jadual 1.1 : Teknik Pengumpulan Data	20
Jadual 4.1 : Data Kajian awal Arca Figura Orang Inggeris	79
Jadual 5.1 : Proses Patina pada Permukaan Arca	89





BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Latar belakang Penyelidikan

Pengalaman berada di Pulau Pinang satu ketika dahulu, memberi satu impak ke atas diri sendiri apabila menemui beberapa arca gangsa yang terdapat di situ. Pertamanya, sebuah arca yang terdapat di satu persimpangan jalan di kawasan padang Chinese Recreational Club dan sebuah lagi di hadapan Muzium Negeri Pulau Pinang. Arca-arca tersebut telah dimakan usia oleh hujan dan panas matahari. Teringat juga pada arca-arca monumental lain yang pernah disaksikan, di perkarangan Muzium Negara, Kuala Lumpur. Arca-arca figura orang Inggeris umumnya, dipinggirkan atau hanya dipaparkan kepada pengunjung muzium sebagai peninggalan sejarah penjajahan Inggeris suatu masa dahulu. Timbulnya minat untuk mengkaji arca-arca seperti ini bukan sahaja kerana bersifat historikal malahan menimbulkan pelbagai persoalan yang bermain di dalam minda sendiri.

Arca-arca figura sebegini merupakan sebahagian daripada objek seni yang memerlukan kajian ilmiah. Tanpa kajian, masyarakat umum tidak akan mengetahui



tentang seni arca secara lebih mendalam. Arca-arca sedemikian mungkin menyimpan maklumat yang belum dikaji secara mendalam. Oleh itu, satu kajian dan penilaian perlu dilakukan. “Hasil seni mempunyai nilai kognitif yang penting. Hasil-hasil karyawan seni perlu dihargai seperti mana sumbangan para saintis kerana seni dan sains memberi kita suatu “world-view” tentang alam yang memberi pelbagai pendapat, informasi dan pengetahuan baru. Tanpa interpretasi, perkara ini tidak akan diperolehi” (Barret, 2003 : 19). Dalam penyelidikan ini, penilaian cuba mengungkap aspek historikalnya dan beberapa aspek lain yang berkaitan. Ini tertumpu kepada arca-arca figura yang menjadi bahan penyelidikan.

1.2 Masalah Penyelidikan

Penjajahan Inggeris di Tanah Melayu bermula di Pulau Pinang (1786). Selepas itu, di Singapura (1819), diikuti pula di Melaka (1824) dan seterusnya di Perak (1874). “Francis Light dengan rasminya telah mengambil Pulau Pinang sebagai Jajahan Inggeris pada 11 Ogos, 1786” (Zakry, 1994 : 22 & 23). Ini merupakan detik permulaan penjajahan orang Inggeris di Tanah Melayu ini. Sebenarnya penjajahan Barat di negara ini bermula dengan kedatangan orang-orang Portugis dan Belanda, menandakan terlebih dahulu adanya pengaruh Barat. Perbezaannya, pada masa dahulu, pihak penjajah hanya mahukan hasil rempah sahaja tetapi selepas itu penjajah dapat mengaut keuntungan dari hasil bumi ini. Dengan dasar penjajahan juga telah membawa masuk unsur tradisi seni visual Barat baik dalam bentuk dua dimensi dan tiga dimensi. Karya-karya lukisan seperti catan air, cetakan dan gurisan pelukis-pelukis Inggeris pada abad ke-18 dan 19, dibawa masuk oleh



pegawai-pegawai Inggeris yang datang berkhidmat. Semasa berada di sini, mereka mendirikan arca-arca figura yang menampilkan orang-orang ternama. Ini merupakan satu perubahan dunia seni visual yang mengetengahkan identiti dan gaya budaya Barat dibawa masuk oleh mereka ke Timur khususnya di Tanah Melayu pada masa itu.

Permasalahan yang ditimbulkan dalam kajian ini adalah berkisar masalah-masalah berikut iaitu:-

1.2.1 Pihak penjajah mendirikan arca-arca figura dan mempunyai matlamat tertentu kepada masyarakat yang dijajah. Seperkara yang perlu dipertimbangkan ialah tujuan arca-arca figura yang dibina oleh penjajah berbanding dengan arca figuratif yang sedia ada ketika itu. Arca figuratif seperti patung Brahmin mempunyai signifikannya sebagai unsur pemujaan (Zakaria, 1989 : 63)



berbanding dengan arca figura Inggeris itu. Tentunya arca figura Inggeris ini mempunyai peranan atau fungsinya yang berbeza dan tertentu. Jelas, selain daripada menjajah, mereka juga membawa masuk satu lagi unsur baru iaitu pengenalan terhadap objek tiga dimensi dengan gaya atau stail barat iaitu penerapan ideologi Barat secara tidak langsung.

1.2.2 Ciri-ciri fizikal arca-arca figura tersebut menampilkan pengertian atau makna simbolik tertentu yang mengetengahkan sesuatu mesej. Antara aspek yang perlu dipertimbangkan ialah perihai zaman arca dihasilkan iaitu dari konteks tahun dan era aliran seni arca pada masa itu. Perkara ini berbentuk “realist” dan cara peniruan sebenar serta mengambil kira rupa bentuk manusia sebenar. Mungkin itulah aliran yang dianuti dan menjadi arus perdana pada ketika itu. Daripada itu, kita akan mengkaji peranan arca-arca tersebut sebagai objek seni



visual selain daripada stail, teknik dan bahan dalam pembuatan arca-arca tersebut.

1.2.3 Arca-arca figura itu mempunyai kaedah tertentu dalam penghasilannya dan melihat apakah bahan-bahan yang digunakan dalam penghasilannya. “Kita perlu mengetahui dan mengkaji dari mana seni itu dihasilkan, siapa pembuatnya, kegunaannya, fungsinya, dan faedahnya pada mereka. Ini mengambil kira kajian seni dalam konteks budaya yang mana persekitaran memberi impak terhadap pembuatannya” (Hatcher, 1999 : 1).

1.2.4 Arca figura yang sedia ada tidak semestinya berada pada lokasi asalnya.

Kedudukan asal arca-arca figura itu perlu dikenal pasti iaitu sama ada pada lokasi asalnya. Kajian ini perlu melihat perkaitan antara lokasi dengan pembinaannya di tempatnya. Kemungkinan kedudukannya mempunyai suatu signifikan berkaitan dengan persekitarannya pada masa itu.

1.2.5 Arca figura tentang personaliti-personaliti orang Inggeris yang diarcakan dan mempunyai kepentingan tertentu pada zaman penjajahan Inggeris. Kajian dibuat untuk mengkaji kedudukannya daripada segi pentadbiran penjajah, peranan serta sumbangannya dalam zaman penjajahan Inggeris sehingga diabadikan dalam bentuk arca figura.

1.2.6 Pemerhati mempunyai tindak balas yang berbeza apabila melihat pada arca-arca figura tersebut. Dalam perkara ini, diambil kira, arca-arca yang dikaji

melibatkan persekitaran masa lampau ketika zaman penjajahan Inggeris. Oleh itu, pendekatan yang berbeza perlu diambil kerana persepsi pada masa ini mungkin berbeza dengan persepsi yang dibuat pada zaman penjajahan. Oleh itu, kajian yang dijalankan perlu mengambil kira daripada segi situasi pada zaman penjajahan khususnya persekitaran sosiopolitik ketika itu.

1.3 Tujuan / Objektif Penyelidikan

Dengan adanya penyelidikan ini, kajian arca-arca figura akan memberi pengetahuan yang lebih mendalam pada zaman penjajahan orang Inggeris di tanah air kita. Kajian ini memberi peluang kepada pengkaji untuk menerokai dengan menganalisis serta interpretasi struktur formalistik bahan yang dikaji. Secara tidak langsung, struktur kontekstual yang menyentuh aspek politik, sosial dan ekonomi pada masa itu akan diuraikan bersama. Oleh itu, dengan mengkaji arca-arca tersebut, kajian ini dapat menjawab persoalan-persoalan tertentu yang akan menjurus kepada perkara berkaitan dalam kajian ini. Antara tujuan menjalankan kajian ini adalah seperti berikut:-

- 1.3.1 Menerokai latar belakang sejarah masyarakat pada zaman penjajah daripada segi sosial, ekonomi dan politik. Pendekatan berkisar pada kualiti estetik dan makna-makna simbolik subjek yang dikaji, akan hanya tertumpu kepada subjek itu semata-mata. Oleh itu sebagai sejarawan seni, kita tidak dapat mengkaji dengan lebih kritikal (Barnet, 1999 : 153). Jadi, matlamat utama dalam kajian ini untuk menerokai perkara-perkara yang ditinggalkan,

dilupakan, dan andaian ideologi atau makna sosial yang memperkatakan hasil seni.

1.3.2 Mengenal pasti personaliti-personaliti orang Inggeris yang diarcakan serta menyatakan sumbangan mereka dalam zaman penjajahan. Kemungkinan juga, terdapat di antara arca-arca yang dikaji melibatkan personaliti-personaliti yang sudah diketahui umum yang melibatkan sejarah negara. Namun pendekatan ini dapat menjurus kepada satu bentuk kefahaman yang lebih mendalam tentang persoalan kenapa ianya dibuat dan persoalan bentuk yang sedia ada sekarang.

1.3.3 Menjelaskan pentingnya arca-arca figura sebagai bahan artifak yang sangat bernilai. Dengan kajian ini, kita dapat mengenal pasti seberapa banyak lagi

arca-arca figura yang terdapat di negara kita ini, khususnya di Semenanjung Malaysia dan juga Singapura. Kajian ini membantu kita untuk mendapatkan banyak maklumat perihal arca-arca tersebut. Ini disebabkan bukan semuanya dapat dipamerkan untuk tatapan orang ramai. Kemungkinan juga, terdapat arca-arca yang masih dalam simpanan stor tertentu atau pun diabaikan daripada pengetahuan umum. Kajian dapat menimbulkan kesedaran akan nilai sejarah bahan-bahan artifak agar tidak diabaikan. Malah, bahan ini dapat dipelihara dengan sebaik-baiknya. “Sejarawan sosial melihat hasil seni membawa idea dan idea-idea ini dibentuk oleh sejarah, politik dan perubahan sosial. Ini adalah kerana ianya antara lain dikaitkan dengan penerapan sesuatu ideologi tertentu” (Barnet, 1999 : 155).



1.3.4 Membandingkan arca-arca yang dikaji untuk mengenal pasti daripada segi persamaan atau perbandingan di antara arca-arca yang dikenal pasti. Perkara ini mungkin dibuat daripada bahan yang berbeza mahu pun dengan teknik yang berbeza. Selain itu, personaliti yang diarcakan mungkin mempunyai signifikan tertentu dan setiap arca mempunyai sebab-sebab yang berbeza. Saiz juga menjadi satu faktor kerana mungkin ada sebahagiannya dibesarkan atau dikecilkan. Oleh itu, kita dapat mengenal pasti pelbagai rupa bentuk arca Inggeris yang dihasilkan.

1.3.5 Menginterpretasi maklumat-maklumat yang sedia terdapat pada aspek fizikal arca-arca tersebut. Selain dari itu, kita dapat menginterpretasi bagaimana arca-arca figura tersebut menjadi satu tanda simbolik yang mana pihak penjajah menggunakan arca-arca itu sebagai representasi penjajahan secara tidak langsung. Ini melibatkan kajian analisis formalistik secara analitik untuk melihat bagaimana makna-makna yang disarankan dihubungkan. Seterusnya, kita akan dapat memahami dan memberi penjelasan bagaimana objek seni seperti arca figura ini memainkan peranan dan dikaitkan dengan zaman penjajahan.

1.3.6 Mengaitkan lokasi arca dengan perkaitan sosiopolitik dan sosioekonomi pada zaman penjajahan. Secara kontekstual, ini dapat memberi satu bentuk pengetahuan yang mendalam serta memahami struktur pentadbiran penjajah. Kajian ini cuba menyampaikan satu dimensi yang lebih jauh dan tidak hanya terbatas kepada unsur deskriptif sahaja dan ianya merupakan satu kajian analitik. Barnett (1999 : 83) menyatakan bahawa kajian analitik seterusnya



memerlukan pertanyaan lanjutan yang berkaitan dengan “cause and effect” berbanding dengan kajian deskriptif yang hanya menceritakan apa sahaja yang dilihat.

Oleh itu, kajian ini dapat memberi ruang cara pendekatan dan kaedah tertentu dalam disiplin kajian sejarah seni. Ini tidak terbatas kepada segala yang disajikan oleh aspek fizikalnya dan seterusnya. Dengan disiplin tersebut, penjelasan bagaimana orang Inggeris menggunakan objek seni sebagai satu legitimasi penjajahan pada masa itu dapat diterjemahkan. Perkara ini bukan saja berkisar kepada aspek formalistik, sedikit sebanyak aspek kontekstual dikaitkan juga. Ini menjurus kepada persoalan-persoalan baru yang selama ini diabaikan.

1.4 Soalan Kajian

Hasil daripada permasalahan kajian ini, maka persoalan-persoalan kajian diwujudkan. Persoalan berikut akan memberi ruang untuk kajian bagi menyelesaikan masalah yang ada. Ini termasuklah:-

1.4.1. Siapakah yang menghasilkan arca-arca figura tersebut, bahan dan alat serta perkakasan yang digunakan untuk menghasilkannya?

1.4.2. Apakah unsur-unsur formalistik yang terdapat pada arca-arca figura yang dikaji?

1.4.3. Bagaimanakah arca figura memainkan peranan untuk mengalih atau membentuk sikap manusia ?

1.4.4. Apakah pandangan masyarakat sezaman terhadap arca figura yang dikaji?

1.5 Signifikan Kajian:

Sejarah Seni menitikberatkan analisis dan diskusi mengenai imej-imej visual yang terdapat pada semua jangka masa dan tempat. Dalam kajian ini, pendekatan sejarah seni yang digunakan berteraskan aspek formalistik secara umumnya. Aspek lain iaitu pendekatan kontekstual dikaitkan juga, kerana kajian ini merupakan sejarah dan melibatkan perubahan sosial dan politik. Oleh itu, kajian ini memerlukan ilmu pengetahuan yang “multi-disciplined” sifatnya dan dari satu pendekatan dalam disiplin sejarah seni (D’zul Haimi, 2000). Dengan itu, kajian tidak akan hanya menumpukan sepenuhnya kepada pendekatan formalistik.

1.5.1 Kajian adalah selari dengan bentuk interpretasi dalam aktiviti sejarah seni visual di sekolah. Ini memberi ruang bagaimana membuat sesuatu interpretasi terhadap hasil karya bersamaan juga dengan “Disipline-Based Art Education” yang diamalkan. Ini membolehkan kajian ilmiah terhadap nilai seni secara meluas, dan bersistem. Ini termasuk dalam menganalisis karya seni mahu pun dalam meneliti perbandingan sejarah. Dengan itu, kaedah penelitian secara ilmiah

digunakan dan dilakukan melibatkan akademik dan estetik. Ini bersifat ‘neutral’ dan adil dalam usaha mencari kebenaran nilai seni, tanpa memihak kepada konsep seni tertentu (Sem C. Bangun, 2001 : 11).

1.5.2 Penilaian kritikal meningkatkan keperihatinan terhadap kualiti, signifikan seni, menanam keperihatinan estetik dan amnya sebagai kepuasan melalui seni. Dalam pendidikan seni visual, ini memberi tumpuan terhadap hasil seni dan membolehkan pelajar lebih kompeten dalam penghayatan estetik. Dengan pendedahan ini, pelajar dapat mengujudkan kriteria penilaian sendiri. Bagi guru, pendekatan seperti formalistik dan kontekstual dapat menjalin satu pertalian berkaitan sebab, pemahaman ringkas dan sensitiviti. Justeru, membantu pelajar untuk membuat justifikasi estetik sebagai satu cara menambahkan keserasian penilaian secara am (Wolff & Geahigen, 1999 : xii).

1.5.3 Dalam seni, kemahiran ‘melihat’ ialah untuk menyedari sesuatu hasil kerja dalam konteks yang lebih luas atau sesuatu kerangka rujukan. Perkara ini melibatkan daripada segi pengetahuan, pemahaman yang mendalam atau “insight”, memahami, dan kebolehan untuk mengaitkan kepada struktur sejarah. Secara kelaziman, seni secara umum mempunyai pelbagai bentuk, stail, kaedah dan fungsi seni. Berdasarkan disiplin tertentu, ini akan menjurus kepada hal lain. “Apresiasi seni akan menjurus kepada persepsi yang lebih tajam, pemahaman yang lebih mendalam dan beberapa kefahaman lain yang bermakna dan

bernilai” (Wolff & Geahigen, 1999 : 92). Jelasnya, kemahiran ini adalah perlu, baik kepada pelajar dan juga guru.

1.5.4 Persepsi terhadap hasil seni akan dapat dipertajamkan. Estetik dan sejarah seni menjelaskan konsep, menilai logik perbahasan dan susunan menyediakan maklumat kontekstual sebagai pengalaman. Apresiasi seni mempertajamkan kemampuan persepsi dan menyediakan kemahiran-kemahiran untuk menganalisa, bincang dan menilai kerja-kerja tertentu berdasarkan “nature”, kualiti dan kepentingan. Jadi, pelajar dapat memberi satu sokongan ke arah suatu yang personal dan keaslian kerja dengan merujuk (Wolff & Geahigen, 1999 : 68-69).

1.5.5 Menulis adalah satu cara bagaimana menggalakkan pelajar untuk menguasai perbahasan, memperkatakan tentang seni secara efektif dan membentuk pemikiran, pemerhatian dan kesimpulan. Wolff dan Geahigen (1999 : 71-72), menyatakan menulis ialah sama seperti melibatkan diri dengan pembacaan untuk meluahkan diri tentang apa yang difikirkan dan apa yang dirasakan secara ikhlas. Cara ini merupakan satu “insight” atau kefahaman mendalam kerana seseorang yang mempunyai aspirasi profesional dalam seni tidak akan pergi jauh selagi perkara ini tidak membentuk satu tahap kefahaman mendalam yang tinggi terhadap makna atas apa yang telah dibuatnya.

Kajian dimulakan dengan membuat beberapa tahap interpretasi dan tafsiran terhadap arca-arca figura yang dikaji. Deskripsi secara visual dibuat pada arca-arca tersebut, kemudiannya akan ditafsirkan secara pendekatan dan kaedah yang menjadi landasan utama iaitu daripada “Variety Visual Experience” atau Pengalaman Visual Pelbagai oleh Edmund Burke Feldman (Sem C. Bangun, 2001 : 51). Hal ini melibatkan empat peringkat tafsiran iaitu deskripsi, analisis formal, interpretasi dan akhirnya evaluasi atau penilaian. Interpretasi dan terjemahan akan meliputi aspek formalistik serta kontekstual dan ini merupakan cara analitikal.

1.6.1 “Seni adalah suatu bahasa, suatu perantaraan dalam berkomunikasi

daripada segi idea, kepercayaan dan untuk meninggalkan sebarang hal daripadanya adalah seperti kita meninggalkan sesuatu yang tidak difahami lansung” (Barret, 2003 : 62). Kajian ini bergantung pada dekripsi, iaitu proses pengumpulan data yang tertera secara visual. Pada tahap ini perlu dielakkan membuat kesimpulan peribadi yang sifatnya ilusif atau imaginatif. Dalam hal ini terjemahan yang sah adalah secara mempunyai kaitan, dan bahasa yang digunakan secara umumnya boleh difahami. Pada peringkat ini data dikumpul secara objektif dan segala bentuk interpretasi atau kesimpulan penilaian harus ditangguhkan terlebih dahulu. Pada peringkat seterusnya dapat menghuraikan bagaimana proses pembuatan sebuah karya seni berkaitan persepsi pemahaman dan penilaian secara kritis.


1.6.2 Dalam tafsiran deskriptif, aspek yang dipertimbangkan ialah daripada segi sebanyak mana figura yang digambarkan, ruang yang penuh dan melihat akan kesannya. Aksesori seperti pakaian, topi, rantai, pedang dan lainnya, termasuk kedudukan kepala atau badan, ekspresi muka diambil kira daripada segi pengamatan personaliti arca figura. Lokasi terdirinya arca-arca itu juga dikaitkan. Arca figura juga mempunyai kepentingan politik atau kedudukan sesuatu kelas sosial. Arca figura juga dinilai daripada segi imej yang digambarkan. Arca-arca figura secara umumnya ialah arca berdiri secara bebas atau “free-standing” dan melibatkan sudut pandangan yang berbeza-beza kedudukan dari depan, sisi dan belakang. Sudut pandangan dekat pada muka, pandangan terperinci pada rambut, mulut, bibir, muka diamati dalam menggambarkan personaliti-personaliti yang dikaji. Selain itu, tapak atau “pedestal” serta inskripsi-inskripsi yang terdapat pada arca-arca tersebut diambil sebagai bukti.

1.6.3 Analisis formalistik ini adalah bersamaan dengan tahap ciri-ciri sensori, kualiti formal, ekspresif dan teknikal. Analisis bersifat strukturalisme berpusat kepada bentuk imej fizikal. Pada dasarnya, peringkat ini mengkaji kualiti unsur hal benda atau “subject-matter” yang dihimpun dalam deskripsi. Pada peringkat analisis, perkara ini melibatkan penggunaan elemen dan prinsip seni dalam sesuatu gubahan. Analisis daripada segi elemen bentuk, garisan, jalinan dan warna dijelaskan pada arca figura yang diamati. Seterusnya, perkara ini melibatkan komposisi gubahan daripada segi imbalan, kadar banding dan

penegasan. Ini juga berkaitan dengan deskripsi objektif ke arah prinsip dan idea teknik bagaimana organisasi sesebuah karya dibuat. Berlandaskan kedua-dua pendekatan tersebut, analisis tertumpu pada imej-imej dan lambang pada bahagian fizikal arca.

- 1.6.4 Dalam interpretasi terhadap arca-arca tersebut, analisis tertumpu kepada aspek formalistik secara khusus. Ini memberi tumpuan terhadap aspek lambang. Ini merupakan interpretasi dan terjemahan yang didasarkan kepada pendekatan ikonografi oleh Erwin Panofsky (Woodrow : *Iconography*) dan pendekatan semiotik oleh Charles Sanders Pierce (Chandler, 1994). Ini mengkaji makna bermula daripada hal yang representatif kepada hal yang lebih intrinsik berpandukan pada bentuk fizikal arca yang dikaji. Bermaksud, kajian daripada bahagian fizikal arca memberi simbol makna yang tertentu. Daripada itu, perkaitan dibuat dengan membuat kaitan mengenai aspek kontekstual iaitu berkaitan struktur politik, ekonomi dan sosial. Ini termasuklah daripada segi ideologi, instrumentalisme dan intensionalisme. Interpretasi kontekstualisme, berusaha untuk mengkaji aspek sosial dan historis sesuatu hasil kerja. Dengan mempelajari asal-usul dan pengaruh yang didapati, pendekatan intensionalisme cuba menjelaskan karya seni tentang tujuan aktiviti penciptaan dan harapan psikologis seperti mana yang dibayangkan (Sem C.Bangun, 2001 : 47-51).

1.6.5 Hasil daripada interpretasi dan analisis, satu penilaian dan kesimpulan cuba dikaitkan daripada dapatan-dapatan yang telah dibuat. Ini berdasarkan hubungan yang telah dibuat antara analisis formalistik dan juga interpretasi secara kontekstual yang telah dilakukan. Bentuk kajian ini dapat diringkaskan melalui Rajah Model Kerangka Teori (Rajah 1.1).



Rajah 1.1: Model Kerangka Teori.

(Sumber: Olahan Pendekatan “Variety Visual Experience” oleh Edmund Burke Feldman)

1.7 Kaedah Penyelidikan.

1.7.1 Bentuk Penyelidikan.

Penyelidikan ini dibuat dalam bentuk kualitatif dan bersifat induktif, iaitu tahapnya dimulakan pada peringkat kesimpulan awal daripada analisis kajian awal kepada yang lebih umum. Perkara ini memfokus kepada data visual kemudian menarik kesimpulan tentang nilai secara keseluruhan. Dengan menggunakan pendekatan Feldman, analisis ini melibatkan empat peringkat iaitu, deskripsi, analisis formal, interpretasi dan evaluasi atau penilaian (Sem C. Bangun, 2001 : 51). Penyelidikan ini menjurus kepada bentuk historikal yang melibatkan subjek-subjek iaitu arca-arca berbentuk figura Inggeris yang berupa bahan sejarah dan ini mempunyai peristiwa yang lalu dan kini telah menjadi sejarah. Oleh kerana arca-arca merupakan bahan-bahan sejarah, ini menimbulkan masalah kerana tidak semua data boleh didapati. Ini akan menjejaskan hasil kajian.

Seni arca memerlukan penggunaan deria sentuhan selain daripada deria penglihatan. Perkara ini berbeza daripada hasil karya seni visual yang lain. Ini dikaitkan dengan nilai sentuhan (Walker & Chaplin, 1997 : 23). Proses pengumpulan data dibuat secara langsung dalam pemerhatian melalui pengamatan yang dibuat. Keterangan adalah secara objektif. Segala bentuk interpretasi atau kesimpulan penilaian perlu diketepikan terlebih dahulu. Pada tahap ini, hanya kesimpulan awal dibuat terlebih dahulu sebagai peringkat awalnya. Satu penilaian atau kesimpulan secara khusus akan hanya diperolehi

pada akhir kajian setelah dipertimbangkan kesimpulan-kesimpulan awal yang dibuat.

•

1.7.2 Fokus Penyelidikan

Menurut William Loudon (Ghaye & Lillyman : 2003) refleksi sebagai satu bahasa mudah, boleh diertikan sebagai satu konotasi pemikiran kontemplatif terhadap sesuatu yang telah terjadi pada masa yang lepas. Jadi “Refleksi Penjajahan” pada tajuk kajian dimaksudkan sebagai satu penilaian semula terhadap penjajahan orang Inggeris dan ini dilakukan melalui kajian terhadap arca-arca figura mereka. Dalam erti kata lain, arca-arca tersebut menggambarkan penjajahan Inggeris. Kajian ini hanya melibatkan arca-arca figura Inggeris yang dihasilkan sekitar abad ke-19 sehinggalah sebelum zaman penjajahan Jepun. Singapura yang juga di bawah penjajahan Inggeris, diambil kira untuk dibuat kajian. Arca figura ditumpukan terutamanya di Negeri-Negeri Melayu Bersekutu dan Negeri-Negeri Selat pada masa itu seperti Pulau Pinang, Selangor, Perak dan Singapura. Negeri-negeri inilah menjadi tumpuan orang Inggeris dalam penjajahan mereka.

Kajian meliputi arca figura bahagian kepala atau “bust”, atau pun keseluruhan bentuk figura manusia. Ia boleh jadi diperbuat daripada bahan-bahan seperti gangsa, batu marmar, besi atau pun bahan-bahan lain. Dalam memahami dan menikmati seni, interpretasi didasarkan dan berpusat kepada objek iaitu arca figura itu sendiri. Faktor luaran seperti tujuan seni,

reputasi biografi, konteks sosiobudaya dan lain-lain juga dipakai sebagai perkara yang harus ditentukan dengan hasil pengamatan terhadap karya seni. Ini dapat dikaitkan dengan aspek kontekstual.

Antara arca-arca yang dikaji ini, hanya lima arca figura orang Inggeris sahaja yang akan dikaji secara terperinci kerana sumber data yang diperolehi mungkin tidak mencukupi dan lengkap sepenuhnya. Perkara ini perlu dipertimbangkan kerana ianya bersifat historikal dan tidak mungkin kesemuanya dapat diperoleh data dengan selengkapnya. Selain daripada itu, data diperolehi perlu dipastikan kesahihannya. Ini penting kerana ketidaksahihan data mungkin menjejaskan kredibiliti penyelidikan yang dijalankan. Perlu dianalisa dan dinilai contoh-contoh lain, membandingkan dan membezakan, iaitu perbandingan daripada pelbagai kategori, jenis dan siri-siri produksi daripada berlainan bahan yang merentasi jangka waktu yang berbeza. Perkara ini mengambil kira sejarah perkembangan seni tiga dimensi di Tanah Melayu sendiri. Arca-arca figura yang dikaji ialah Queen Victoria yang terdapat di Padang Chinese Recreational Club, Pulau Pinang, Sir Francis Light di Kota Cornwallis, Pulau Pinang, Sir Stamford Raffles di Victoria Memorial Hall, Singapura, Sir Henry Wickham di Muzium Negara, Kuala Lumpur dan Kol. R.S.F. Walker di perkarangan Muzium Taiping, Perak. Hanya kelima-lima arca figura ini sahaja diambil kira meski pun terdapat lagi beberapa arca figura yang boleh didapati di negara kita dan juga di Singapura.

1.7.3 Pengumpulan data

Pengumpulan data akan dibuat bertujuan untuk merakam serta mengetahui tentang hal-hal yang berkaitan dengan kajian. Ini berlaku semasa menjalankan kajian lapangan terhadap arca-arca figura yang dikaji dan merupakan sumber pertama dalam kajian (Gray, 1996 : 188). Perkara ini melibatkan lokasi arca-arca yang sedia ada dan lokasi asal sebenar di zaman penjajahan, struktur rupa bentuk dan maklumat-maklumat yang ditranskripikan dan boleh didapati terus daripada arca-arca tersebut. Selain daripada ini, dokumen-dokumen yang berkaitan melalui kajian perpustakaan berkaitan dengan arca figura dikaji. Data dikumpulkan dengan mengadakan temu bual, wawancara, dan soal selidik khususnya kepada informan yang arif tentang hal tersebut.

Dalam kaedah temubual, informan-informan termasuk sejarawan seni, arcaawan, dan juga pihak kurator muzium. Mereka ini mempunyai pengetahuan yang mendalam berkaitan arca-arca yang dikaji. Soalan-soalan yang ditujukan menjurus pada data yang dapat memberi pengetahuan tentang kewujudan arca-arca, lokasi, maklumat tentang penghasil serta penghasilan arca. Pandangan serta pendapat peribadi mereka perlu diambilkira. Hasil temubual dibuat transkripsi digunakan dalam proses triangulasi data yang diperolehi daripada sumber lain.

Selain daripada itu, rakaman audio dan visual diambil bersama informan mahu pun terhadap arca-arca figura yang dikaji. Rakaman visual penting untuk meneliti kembali arca-arca figura tersebut selain daripada pengalaman terus di kajian lapangan melalui pemerhatian. Ini dikaitkan

dengan analisis dan interpretasi yang dijalankan di luar daripada kajian

lapangan. Pengumpulan data ini dapat diringkaskan dalam Jadual 1.1 berikut.

Bil.	Data yang diperlukan	Teknik Pengumpulan Data				Data yang dikumpulkan
		Pemerhatian	Rakaman Visual	Temubual	Perpustakaan	
1.	Deskripsi	√	√	√	√	-Nama arca -Tarikh pembuatan -Dimensi -Lokasi -Fizikal -Bahantara & Teknik -Sejarah
2.	Analisis Formalistik	√	√		√	-Elemen seni -Prinsip Seni
3.	Interpretasi	√	√	√	√	-Ikonomografi -Semiotik -Makna
4.	Evaluasi dan Penilaian			√	√	-Pendapat Sejarawan dan Pengritik Seni -Aspek Kontekstual

Jadual 1.1 : Teknik Pengumpulan Data



1.7.4 Analisis Data.


Pendekatan analisis data tertumpu kepada menjelaskan seberapa tepat yang boleh tentang apa yang telah difahami, serta menstruktur kembali data dalam bentuk realiti yang boleh dikenali dan difahami. Ini memang agak sukar dilakukan kerana kajian sebegini melibatkan perkara-perkara lampau iaitu semasa penjajahan Inggeris. Namun, hasil daripada penelitian induktif, kesimpulan awal akan dibina tentang fenomena yang dikaji melalui data-data yang dikumpul.

Tahap seterusnya menghuraikan bagaimana data dapat mempengaruhi persepsi pemahaman dan penilaian kritisnya. “Matlamat penyelidikan adalah untuk menerangkan fenomena yang ujud atau belum dikaji lagi. Ini lebih bersifat interpretif dan deskriptifnya akan menumpukan kepada proses yang melibatkan pengumpulan data secara berterusan.” (Wiersma, 1995 : 214). Bersamanya, isu-isu seperti pengaruh, niat artistik, naungan, ikonografi, “gender”, “genre”, gaya dan penerimaan memberi maklumat tentang sosiosejarah dan kontekstual yang dikenal pasti. Hasil dapatan daripada fenomena yang timbul, akan dibuat satu keputusan holistik iaitu satu keputusan yang menyeluruh sebagai fenomena yang dicari. Kajian lebih menumpukan persoalan-persoalan yang timbul perihal arca-arca yang dikaji.

Urutan daripada itu, data selanjutnya diperolehi daripada sumber-sumber lain yang berkaitan untuk melihat perkara lain yang dapat dikaitkan dengan data yang diperoleh. Ini bersamaan juga dengan pendekatan triangulasi data bertujuan untuk mendapatkan kesahan data-data yang diperoleh serta memberi keyakinan kesimpulan yang telah dibuat dalam



penilaian. Ini dapat disamakan dengan penganalisaan data berteraskan Model Interaktif Miles & Huberman (Rajah 1.2), untuk menguji kesimpulan yang dibuat. Namun, tidak mustahil akan timbul lagi permasalahan-permasalahan baru kerana ianya dalam kajian kualitatif.




Rajah 1.2 : Model Interaktif

(Sumber: Miles and Huberman, 1992)

Lanjutan daripada itu, kajian akan terus menjawab persoalan-persoalan lain yang dapat dikaitkan lantas menjawab kepada permasalahan sebelumnya. Untuk mengenal pastikannya, kesimpulan awal akan diuji untuk melihat makna sebenarnya dan ia menjurus kepada sesuatu fenomena dalam kajian.

Metodologi kajian yang dijalankan dapat disimpulkan dalam Rajah 1.3, berupa Reka Bentuk Penyelidikan.



Rajah 1.3 : Reka Bentuk Penyelidikan

(Sumber: Olahan Pendekatan “Variety Visual Experience” oleh Edmund Burke Feldman)